

Pemikiran dan Falsafah Adat Resam Perkahwinan Jawi Peranakan Pulau Pinang

Omar Yusoff¹, Noriah Mohamed¹, Abdul Jalil Ramli² dan Zainab Ahmad³

¹Universiti Sains Malaysia

²Universiti Malaysia Perlis

³Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Perlis

ABSTRAK

Kertas kerja ini meninjau tentang komuniti Jawi Peranakan yang menetap di Pulau Pinang. Tinjauan dilaksanakan menerusi kaedah kualitatif dan berfokus kepada tinjauan pustaka dan temu bual tidak berstruktur antara penyelidik dan informan Jawi Peranakan. Tinjauan mendapati bahawa kedatangan golongan pendatang dan pedagang dari India dan Arab ke Pulau Pinang telah mewujudkan kelompok Jawi Peranakan menerusi perkahwinan campur antara golongan ini dengan wanita Melayu tempatan. Golongan hybrid ini pada mulanya dikenali sebagai Jawi Pekan tetapi kemudian disebut sebagai Jawi Peranakan. Sekarang, golongan Jawi Peranakan ini lebih cenderung mengamalkan budaya Melayu dan dalam menuju ke arah menjadi Melayu, proses asimilasi dan amalgamasi yang dilalui oleh golongan ini sejak sekian lama, telah menyebabkan sebahagian besar mereka tidak lagi mempertahankan budaya mereka yang ada antaranya dikatakan bertentangan dengan akidah Islam. Walaupun pada masa sekarang, komuniti ini menganggap diri mereka adalah Melayu, tetapi sebahagian besar daripada mereka masih lagi mengekalkan adat dan pantang larang yang diwarisi daripada nenek moyang mereka sejak turun temurun dalam menguruskan hal perkahwinan. Inilah di antara keunikan masyarakat ini berbanding masyarakat Melayu lain di Pulau Pinang. Kertas kerja ini cuba mendeskripsikan pantang larang dan adat resam perkahwinan Jawi Peranakan serta meninjau pemikiran dan falsafah di sebaliknya.

1.0 PENGENALAN

Sebelum Pulau Pinang dibuka secara rasmi oleh Kapten Light pada tahun 1786, pulau ini dikenali sebagai Pulau Kesatu. Pulau ini adalah kepunyaan Sultan Kedah. Kedudukan Pulau Pinang yang strategik yang terletak di bahagian utara Selat Melaka telah menarik minat kerajaan British untuk mendapatkannya (Clodd, 1984: 43). Apabila Pulau Pinang dijadikan sebagai sebuah pelabuhan bebas, ia telah menarik minat golongan pendatang dan pedagang dari Nusantara,

Cina, India, Arab dan Eropah berhijrah ke pulau ini. Pelbagai komuniti dari Nusantara seperti orang Rawa, Minangkabau, Aceh, Jawa, Bugis, Batak (Mandailing) dan yang lain telah membangunkan Pulau Pinang melalui perdagangan (Lee, 1995: 76). Orang Arab, Tamil, Punjabi, Benggali, Gujerati dan Afghani telah tertarik dengan pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang dan mereka mengambil kesempatan menjalankan perdagangan rempah, kain, bawang dan emas di pulau ini. Selain golongan ini, terdapat juga orang Portugis, Asia, Denmark, Belanda, Jepun, Siam, Burma dan Armenia yang tinggal dan berdagang di Pulau Pinang (McAlister, 1803: 22).

Kehadiran pendatang dan pedagang dari Indiaⁱ dan Arab telah membuka satu lembaran baru di Pulau Pinang apabila terbentuknya keturunan Melayu kacukan yang dikenali sebagai Jawi Pekan (kemudian dikenali sebagai Jawi Peranakan) melalui perkahwinan campur antara golongan ini dengan wanita Melayu tempatan. Perkahwinan ini berlangsung kerana golongan ini berhasrat untuk mengekalkan tempat dan status mereka dalam masyarakat Islam di Pulau Pinang. Perkahwinan campur telah menjadikan Pulau Pinang bukan sahaja terkenal dengan pertumbuhan ekonominya, malah dikenali menerusi pembentukan golongan Melayu baru dengan subbudaya kehidupan seharian mereka. Subbudaya ini membezakan Jawi Peranakan dengan orang Melayu lain di Pulau Pinang.

1.1 Jawi Peranakan

Istilah peranakan dalam konteks Jawi Peranakan mempunyai makna yang lebih kurang sama dengan Baba. Namun demikian, istilah Jawi Peranakan melibatkan unsur jawi dalam definisinya. Istilah Jawi secara khusus dalam bahasa Melayu bersangkutan paut dengan agama Islam. Misalnya, dalam kalangan orang Melayu terdapat ungkapan masuk jawi yang bermakna berkhataan. Aktiviti berkhataan merupakan salah satu aktiviti yang wajib/mesti dilakukan apabila individu memeluk agama Islam. Secara khusus juga istilah jawi bermaksud aksara yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu di Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand Selatan. Istilah ini kemudiannya diluaskan maknanya untuk merujuk kepada dua perkara. Pertama, istilah ini dikaitkan dengan bahasa yang menggunakan aksara jawi dan daripada kaitan ini wujudlah istilah bahasa Jawi. Kedua, istilah ini juga digunakan untuk merujuk kepada agama penutur yang menggunakan bahasa Jawi (Islam) dan wujudlah pula istilah masuk jawi (masuk Islam). Berdasarkan kedua-dua perkara tersebut dan disebabkan agama Islam sudah dijadikan jati diri penutur bahasa tersebut maka sebab itu orang Islam (termasuk Melayu) dirujuk sebagai orang Jawi (Noriah, 1999: 85-86). Apabila istilah jawi dicantumkan dengan peranakan, yang maksudnya lahir tempatan dan berdarah campuran Melayu (Fujimoto, 1988: 41-42), maka maksudnya merujuk

kepada orang asing yang mempunyai darah campuran Melayu dan beragama Islam.

Huraian ini bertepatan dengan definisi Jawi Peranakan yang merujuk kepada orang Melayu berdarah campuran Arab, Tamil, Benggali, Punjab, Gujerat dan Afghan (Zaharah, 1972: 201). Istilah ini mula digunakan pada tahun 1871 dalam *Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-negeri Selat*.

Sebelum tahun 1871, istilah Jawi Bukan, Jawi Pukan atau Jawi Pekan telah digunakan di Pulau Pinang untuk merujuk kepada orang Islam. Definisi Jawi Bukan, Jawi Pukan dan Jawi Pekan merangkumi bukan sahaja orang Melayu berdarah campuran Arab, Tamil, Benggali, Punjab, Gujerat dan Afghan, malah orang India Islam yang dilahirkan di Tanah Melayu (ibu bapa mereka orang India Islam) yang telah melalui proses asimilasi kebudayaan Melayu (Khoo Salma, 2002: 44) dan mana-mana orang Islam yang bukan keturunan masyarakat Melayu tempatan. Definisi ini tentulah tidak tepat untuk merujuk kepada elemen peranakan yang bermaksud lahir tempatan dan berdarah campuran Melayu seperti saranan Fujimoto (1988: 41-42). Sebab itulah istilah Jawi Pekan tidak lagi digunakan dalam *Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-negeri Selat* pada tahun 1871 dan istilah ini digantikan dengan Jawi Peranakan yang hanya merujuk kepada orang Melayu berdarah campuran Arab, Tamil, Benggali, Punjab, Gujerat dan Afghan (Zaharah, 1972: 201 dan Vaughan, 1857: 137).

Di Singapura, kelompok peranakan ini dikenali sebagai Jawi Peranakan, manakala di Melaka mereka disebut sebagai Peranakan Keling (Khoo Salma, 2002: 44). Salah satu maksud keling ialah orang India yang beragama Islam atau lebih khusus orang India Selatan beragama Islam yang datang ke Tanah Melayu seawal abad ketiga dari Kalinga dan Telingana (Pantai Coromandel) (Noriah, 2008: 88 dan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 719-720).

2.0 PEMBENTUKAN JAWI PERANAKAN DI PULAU PINANG

Pembentukan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang bertitik tolak daripada adanya perkahwinan campur antara lelaki Arab, Tamil, Benggali, Punjab, Gujerat dan Afghan dengan wanita Melayu tempatan dan sudah berlaku sekian lama di gugusan pulau Melayu dan di Tanah Melayu, iaitu di Kedah, di Melaka dan di Perak.

Pembentukan awal masyarakat ini bermula dengan adanya perkahwinan campur antara lelaki India Islam dengan wanita Melayu golongan bangsawan (Sandhu, 1969: 179). Kesannya, timbul beberapa versi yang mengaitkan keturunan raja

Melayuⁱⁱ dengan Raja Iskandar Zulkarnain di India (Andaya, 1983: 38). Keturunan Raja Perak dikatakan ada pertalian darah dengan Raja Iskandar Zulkarnain di India (Morgan, 1948: 17). Begitu juga dengan Raja Singapura yang pertama, iaitu Sang Nila Utama dan Sultan Melaka yang pertama, iaitu Raja Iskandar Dzu'lkarnain, turut dikatakan ada pertalian darah dengan Raja Iskandar Zulkarnain (Wilkinson, 1942: 13). Tun Ali bin Mani Purindam, tokoh pemimpin Melaka yang bergelar Seri Nara Diraja dan memegang jawatan Penghulu Bendahari juga keturunan Jawi Peranakan berdarah campuran India Islam. Begitu juga dengan Bendahara Tun Mutahir, beliau berasal daripada keluarga Melayu Tamil atau Jawi Peranakan (Muhammad Yusoff, 1989: 320).

Perubahan ketara tentang pembentukan masyarakat Jawi Peranakan mula berlaku di Pulau Pinang. Perkahwinan campur antara lelaki India Islam dengan wanita Melayu tempatan bukan lagi berlaku dalam kalangan golongan bangsawan, malah turut melibatkan golongan bukan bangsawan. Pembukaan pelabuhan Pulau Pinang oleh pihak Inggeris sebagai pelabuhan perdagangan telah menyebabkan kedatangan orang Jawi Peranakan dari Kedah ke Pulau Pinang semakin ketara. Keadaan ini terjadi sejak abad ke-17 (Ragayah, 1997: 29–30). Perbauran antara masyarakat ini dengan masyarakat India Islam turut menghasilkan perkahwinan campur antara kedua-dua anggota masyarakat ini.

Sejarah pembentukan masyarakat Jawi Peranakan berketurunan India Islam di Pulau Pinang berlaku secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama berlaku sewaktu kedatangan golongan saudagar, pedagang, pengembara dan pembekal alat senjata. Golongan ini dikatakan telah menetap di Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light. Misalnya, golongan saudagar dikatakan telah berada di Pulau Pinang pada sekitar tahun 1770 (Omar, 2005: 124). Ada antara golongan ini ialah Jawi Pekan (Sandhu, 1969: 172, 179). Pembentukan masyarakat ini bermula apabila Kapitan Keling berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Isteri pertama Kapitan Keling dikatakan berasal dari Batu Uban, Pulau Pinang dan beliau telah menetap di kawasan tersebut sejak tahun 1736 (Omar, 2005: 140). Perkahwinan campur Kapitan Keling ini diikuti pula oleh saudagar India Islam yang lain.

Peringkat kedua pula berlaku sewaktu kedatangan buruh yang bekerja di ladang dan di bawah kerajaan British. Peringkat ini dikatakan berlaku pada tahun 1787, atau dipercayai lebih awal (Sandhu, 1969: 47). Pada awal tahun 1786, terdapat seramai seratus orang buruh India yang dihantar ke Pulau Pinang oleh kerajaan British yang beribu pejabat di India. Kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh ladang dan ada juga yang bekerja dengan kerajaan British. Kemudian, bertambah ramai buruh India dari India Selatan dihantar ke Pulau Pinang untuk bekerja di ladang yang dibuka oleh kerajaan British bagi tujuan komersial, seperti ladang

lada hitam yang dibuka pada tahun 1790, diikuti dengan ladang tebu pada tahun 1830, ladang kopi pada tahun 1870 dan ladang getah pada tahun 1877 (Sandhu, 1969: 50, 249). Ramai buruh ini dikatakan telah berkahwin dengan wanita Melayu tempatan, seperti yang ditegaskan oleh Sandhu (1969: 177):

“A similar tendency could also be detected among other classes of immigrants, especially with the expansion of government works and commercial agriculture in the nineteenth century. Some of these migrants, like their predecessors, took local brides from amongst the Malay and slave populations”.

Peringkat ketiga ialah perkahwinan campur yang berlaku akibat kedatangan golongan banduan yang dihantar oleh kerajaan British yang beribu pejabat di India ke Pulau Pinang. Peringkat ini berlaku sekitar tahun 1788, apabila Pulau Pinang telah dijadikan sebagai tempat banduan menjalani hukuman selama tujuh tahun atau lebih. Pada tahun 1789 beberapa orang banduan mula dihantar ke Pulau Pinang. Lebih tiga perempat banduan yang dihantar ke Pulau Pinang terdiri daripada mereka yang menjalani hukuman seumur hidup. Kesalahan yang dilakukan oleh mereka adalah seperti membunuh, merompak, kesalahan politik dan sebagainya. Banduan ini datang dari pelbagai daerah di India dan mereka terdiri daripada pelbagai kaum. Pada tahun 1865, terdapat hanya 801 orang banduan yang dihantar ke Pulau Pinang, 73 daripada mereka terdiri daripada banduan wanita (Turnbull, 1970: 90). Berikutan daripada itu, bermula pada tahun 1860 semakin ramai banduan yang telah tamat menjalani hukuman tidak pulang ke tanah air mereka. Mereka lebih gemar tinggal di Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana banduan ini dikatakan sudah biasa dengan keadaan di Pulau Pinang (McNair, 1899: 144). Kebanyakan mereka berkahwin dengan bekas banduan, masyarakat India lain atau orang Melayu. Keadaan ini telah mempercepat pertumbuhan penduduk masyarakat India dan Jawi Pekan di Pulau Pinang (Sandhu, 1969: 134). Pekerjaan yang dilakukan oleh mereka ialah penjaga lembu, membuka kedai runcit, buruh, dan ada yang bekerja dengan kerajaan British (McNair, 1899: 144). Blythe (1971: 130) menyatakan bahawa pembentukan golongan Jawi Pekan berlaku dengan meluas pada sekitar tahun 1857, iaitu di bawah sistem *ticket of leave*. Mengikut sistem ini, hanya banduan yang telah menunjukkan kelakuan yang baik dibenarkan bekerja dengan kerajaan British ataupun orang Eropah yang lain dengan dibayar gaji yang lumayan.

Berdasarkan peringkat perkembangan yang dibincangkan, maka didapati bahawa orang India memainkan peranan yang besar dalam pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Namun begitu, selain berlatarbelakangkan India sebagai tempat asal, kelompok ini juga merangkumi kaum lain seperti Arab, Benggali, Punjabi, Gujerat dan Afghan yang beragama Islam dan berkahwin campur dengan orang Melayu tempatan. Mereka ini dibezakan daripada orang India Islamⁱⁱⁱ dari segi identiti.

Sehubungan itu, tajuk ini akan membincangkan adat resam perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang yang dikatakan adanya percampuran antara budaya Melayu dengan budaya India yang telah diwarisi daripada nenek moyang mereka sejak turun temurun. Segala maklumat yang dibincangkan di bawah ini adalah berdasarkan kepada data mentah yang dikumpul oleh penulis pertama ketika mengadakan kerja lapangan pada tahun 2000, mengenai dengan isu-isu budaya masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Antara mereka yang telah ditemubual pada ketika itu adalah Haji Yaacob bin Ibrahim (berumur 74 tahun), Haji Mohd. Ismail Merican (berumur 60 tahun), Yusoff Azmi bin Zachariah Merican (berumur 61 tahun), Yamustafa bin Ismail (berumur 43 tahun), Tuan Haji Mustakim bin Mastan (berumur 63 tahun) dan Mohd. Abbas bin Yusoff (berumur 52 tahun).

3.0 ADAT RESAM PERKAHWINAN JAWI PERANAKAN DI PULAU PINANG

Dalam kehidupan manusia, budaya adalah sesuatu yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Ia bukan sahaja merangkumi bahasa, agama, tetapi juga adat resam yang diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Sungguhpun adat resam boleh dikatakan tersebar ke dalam atau melandasi aspek-aspek lain dalam corak kehidupan sesuatu kelompok masyarakat seperti ekonomi, pelajaran, pertahanan dan pemerintahan, namun adat resam sering ditinjau dari sudut upacara, keramaian, hiburan ataupun perhubungan-perhubungan yang berlaku di antara ahli-ahli masyarakat itu sahaja. Majlis perkahwinan misalnya, apa yang ditinjau adalah cara-cara berupa adat dan elemen-elemen yang digunakan dalam upacara tersebut. Penggunaan elemen-elemen itu mempunyai maksud yang tersirat seperti upacara suap gula, gula adalah sejenis makanan yang manis. Oleh itu, dalam melahirkan harapan ibu bapa pengantin agar kehidupan baru anak-anak mereka bermula dengan yang manis, maka gula ataupun manisan-manisan lain digunakan sebagai objek perantara dalam menyampaikan mesej yang tersirat sepertimana yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Perkara-perkara seperti inilah yang akan dibincangkan di bawah ini.

3.1 Tentukan Hari Perkahwinan

Dalam kelompok masyarakat Jawi Peranakan, ibu bapa mereka sangat cerewet dalam hal menentukan tarikh dan hari perkahwinan anak-anak mereka. Hal demikian kerana mereka percaya pada hari-hari tertentu dalam kalendar bulan Islam yang dapat menentukan bahagia atau tidak perkahwinan anak-anak mereka. Untuk mengadakan majlis kenduri kaHwin, hari yang dipilih oleh masyarakat ini adalah pada hari Isnin, Khamis ataupun Jumaat. Bulan *Safar* dalam kalendar bulan Islam dikatakan sebagai bulan yang tidak baik untuk mengadakan majlis kenduri kahwin anak-anak mereka. Mereka percaya bulan *Safar* adalah bulan yang boleh membawa kecelakaan pada diri pasangan pengantin.^{iv} Jika pantang larang ini tidak dipatuhi, dipercayai sesuatu kejadian buruk akan menimpa kepada pasangan pengantin seperti rumah tangga tidak kekal lama, kemalangan dan lain-lain peristiwa buruk. Bulan *Syawal*, *Zulqa'idah* dan *Zulhijjah* adalah antara bulan Islam yang dipercayai oleh mereka sebagai bulan yang paling baik untuk mengadakan majlis kenduri kahwin.

Selain menentukan hari dan bulan, ibu bapa mereka juga akan meninjau tentang kedudukan anak gadis mereka yang akan mendirikan rumah tangga. Umur yang dianggap paling sesuai untuk melepaskan anak gadis mereka berkahwin adalah di antara 18 tahun hingga ke 20 tahun. Anak gadis mereka juga mestilah pandai membaca al-Quran, mengurus rumah tangga, memasak, menjahit atau sulam menyulam dan mempunyai pengetahuan dalam hal-hal agama Islam. Ibu bapa mereka juga rasa bimbang, jika anak gadis mereka tidak dipinang orang apabila umurnya telah meningkat dewasa. Jika berlaku hal sedemikian, ibu bapa mereka percaya anak gadis mereka terkena penyakit 'sial badan'. Sial atau malang yang terkena pada diri anak gadis mereka dipercayai kadang kalanya ada pada bibir, mata, mulut, hidung, telinga atau pada bahagian-bahagian lain pada anggota tubuh badan anak gadis mereka. Untuk membuang 'sial majal' yang terkena pada diri anak gadis mereka, ibu bapa mereka lazimnya akan berjumpa dengan bomoh dan tok bomoh akan melakukan upacara 'mandi buang sial'. Setelah melakukan upacara ini wajah anak gadis mereka dikatakan akan kelihatan lebih menawan dan berseri-seri dan sesiapa sahaja yang memandang wajah anak gadis mereka akan terpicat.

3.2 Merisik

Adat resam perkahwinan dalam kehidupan masyarakat Jawi Peranakan adalah bermula dengan merisik. Upacara ini akan disempurnakan oleh ibu bapa kepada mapelai. Upacara merisik hanya akan dilakukan oleh ibu bapa mapelai setelah mereka merasakan bahawa anak lelaki mereka telah bersedia untuk berkahwin. Ibu bapa mereka tidak menyerahkan kepada mana-mana pihak untuk melakukan

upacara ini. Hal demikian kerana ibu bapa mereka ingin selidik sendiri kedudukan keluarga dan gadis yang ingin dipinang oleh mereka. Bagi mendapatkan maklumat tentang kedudukan keluarga dan gadis itu, biasanya ibu bapa mereka akan berkunjung ke rumah saudara mara gadis itu ataupun di rumah jiran tetangga yang tinggal berdekatan dengan rumah gadis itu. Setelah ibu bapa mapelai berpuas hati dengan latar belakang gadis itu barulah mereka datang merisik. Ibu bapa mapelai biasanya akan datang ke rumah gadis itu dengan mengejut. Hal demikian kerana ibu bapa mapelai ingin melihat sendiri kelakuan gadis itu seperti berakhlak mulia, berbudi pekerti, bersopan santun, rajin mengemas rumah, pandai memasak, pandai menjahit, ada pengetahuan agama dan lain-lain. Ibu bapa mapelai bersikap demikian, kerana mereka sudah mengetahui jika kedatangan mereka diberitahu lebih awal, maka sudah tentu gadis itu akan menunjukkan sikap yang baik dan bersopan santun.

Masyarakat Jawi Peranakan percaya, semasa ibu bapa mapelai hendak berkunjung ke rumah keluarga ponu, kebetulan ponu sedang mandi pada ketika itu, maka ia membawa satu petanda yang baik, di mana mereka percaya bahawa jodoh anak lelaki mereka dengan gadis itu akan berkekalan hingga ke anak cucu dan rumah tangga anak mereka dalam keadaan harmoni kerana air melambangkan suatu objek yang sejuk. Sebaliknya, jika kedatangan mereka kebetulan ponu sedang masak, mereka percaya bahawa jodoh anak lelaki mereka tidak akan kekal lama kerana api melambangkan suatu objek yang panas. Selain itu, mereka juga percaya, ketika dalam perjalanan hendak berkunjung ke rumah ponu, tanpa diduga perjalanan mereka terhalang dengan sebatang kayu, atau lain-lain objek, nescaya ia membawa satu petanda tidak baik seperti pinangan mereka ditolak atau lain-lain peristiwa buruk. Jika keadaan seperti ini berlaku, ibu bapa mapelai akan terus membatalkan hasrat mereka untuk keluar merisik.

Selain itu, sebelum ibu bapa mapelai keluar merisik, ada di antara mereka yang berjumpa dengan bomoh untuk menilik jodoh anak lelaki mereka dengan gadis itu sama ada sesuai ataupun tidak. Hal demikian kerana mereka percaya bahawa seseorang bomoh berkuasa untuk menilik jodoh anak mereka sama ada baik atau tidak. Sekiranya, tok bomoh menyatakan bahawa jodoh anak lelaki mereka dengan gadis berkenaan adalah tidak sesuai atau serasi, maka ibu bapa mapelai akan membatalkan hasrat mereka untuk menjodohkan anak lelaki mereka dengan gadis berkenaan.

3.3 Menghantar ‘Cincin Tanya’

Setelah upacara merisik dilakukan, ia diikuti pula dengan upacara menghantar ‘cincin tanya’. Sekiranya, ibu bapa mapelai telah bersetuju dengan ponu yang telah dirisik oleh mereka, maka mereka akan menghantar wakil untuk berjumpa keluarga ponu bagi menyarungkan ‘cincin tanda’ ke jari ponu, sebagai tanda rasmi bahawa keluarga mapelai telah datang merisik. Bagi kelompok masyarakat Jawi Peranakan, ketika hendak menghantar ‘cincin tanya’ kepada keluarga ponu, bekas yang berisi cincin itu hendaklah disimpulkan dengan sapu tangan berwarna kuning bersulam benang emas mengikut bentuk yang digemari oleh mereka. Masyarakat ini percaya bahawa warna kuning adalah warna yang boleh membawa tuah kepada anak mereka setelah mereka membina hidup baru. Selain itu, orang Melayu juga dikatakan sangat menghormati pada warna kuning kerana ia adalah melambangkan warna di raja.

3.4 Meminang

Setelah ‘cincin tanya’ diberi kepada ponu dan kata persetujuan telah diterima daripada ibu bapa ponu bahawa pinangan mereka tidak akan ditolak, barulah upacara meminang dilakukan oleh ibu bapa mapelai. Upacara ini sebagai tanda adanya suatu perjumpaan rasmi antara keluarga mapelai dengan keluarga ponu. Bagi masyarakat Jawi Peranakan, untuk melakukan upacara ini, ibu bapa mapelai dengan ditemani oleh beberapa orang saudara mara yang lebih tua dan berbudi perkerti baik akan pergi ke rumah ponu untuk melakukan upacara masuk minang. Rombongan daripada mapelai akan membawa bersama tepak sirih dan barang-barang hadiah yang lain seperti cincin emas berbatukan berlian ataupun cincin emas berbatukan intan dan barang-barang hadiah lain untuk dihadiahkan kepada ponu. Cincin peminangan yang telah diberi kepada ponu akan terus menjadi hak miliknya.

Syarat-syarat yang perlu dibawa oleh mapelai belum lagi dibincangkan dalam majlis ini, apa yang dibincangkan oleh ibu bapa kedua-dua belah pihak adalah untuk menentukan tarikh dan hari yang paling sesuai untuk menghantar ‘cincin tanda’. Dalam masyarakat Jawi Peranakan, mereka percaya bahawa hari Khamis ataupun Jumaat adalah hari yang paling baik untuk mengadakan majlis peminangan kerana kedua-dua hari itu dikatakan boleh membawa berkat dalam kehidupan anak-anak mereka nanti. Hari Selasa dikatakan sebagai hari yang kurang baik untuk melakukan apa juga hal-hal yang bersangkutan dengan perkahwinan, kerana perkahwinan anak mereka dipercayai tidak akan kekal lama atau boleh berlaku sesuatu perkara yang tidak baik seperti kemalangan, penceraian atau sebagainya.

3.5 Menghantar ‘Cincin Tanda’

Selepas majlis meminang berlangsung dan ibu bapa ponu telah memberi kata putus bahawa mereka bersetuju dengan peminangan daripada keluarga mapelai ke atas anak gadis mereka, maka ia diikuti dengan upacara menghantar ‘cincin tanda’. Dalam upacara ini, ibu mapelai akan sarungkan sebetuk cincin belah rotan ke jari gadis yang bakal menjadi menantunya. Cincin yang dihadiahkan ini sebagai tanda jadi bahawa mereka akan datang meminang gadis berkenaan. Dalam majlis ini, barulah kedua-dua keluarga akan membincang dan memutuskan tentang tarikh dan hari pertunangan yang bakal dilangsungkan. Selain itu, kedua-dua pihak juga akan membincangkan tentang jumlah hantaran yang perlu disediakan oleh mapelai semasa hari pertunangan nanti. Dalam masyarakat Jawi Peranakan, ibu bapa ponu akan memaklumkan terus kepada ibu bapa mapelai tentang jumlah wang belanja hangus dan mas kahwin yang perlu disediakan oleh mapelai ketika majlis pertunangan diadakan nanti. Ibu bapa ponu tidak menyerahkan kepada ‘orang tengah’ bagi membincangkan hal-hal ini.

3.6 Bertunang

Selepas ‘cincin tanda’ diserahkan dan syarat-syarat yang telah diletakan oleh ibu bapa ponu dipersetujui oleh ibu bapa mapelai, barulah majlis pertunangan diadakan. Majlis ini yang turut juga dikenali sebagai upacara ‘menyarung cincin pertunangan’ secara tersiratnya adalah untuk memaklumkan bahawa pertunangan anak mereka adalah sah dan rasmi. Mengikut adat resam perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan, ibu mapelai akan sarungkan cincin ke jari manis kanan ponu dan selepas itu ibu mapelai akan suapkan gula ke mulut ponu. Masyarakat ini percaya dalam memulakan suatu penghidupan baru ia hendaklah bermula dengan sesuatu yang manis, agar rumah tangga yang dibina oleh pasangan pengantin akan berkekalan. Selain itu, masyarakat ini juga percaya bahawa dalam memulakan perhubungan antara ibu mertua dengan bakal menantunya ia hendaklah bermula dengan sesuatu yang manis agar hubungan antara kedua-dua belah pihak akan sentiasa baik. Sebagai meraikan kedatangan ibu bapa mapelai yang ditemani oleh saudara mara mereka sedikit jamuan akan dihidangkan kepada para tetamu.

Ketika ibu bapa dan rombongan mapelai datang ke rumah ponu, barang-barang hantaran yang dibawa adalah seperti wang mas kahwin dan wang belanja hangus yang diisi dalam cepu/bekas bertudung diperbuat daripada perak ataupun tembaga, sirih junjung/sirih dara, alat solek, sebetuk cincin emas berbatu permata yang diletakkan dalam kotak perak, tepak sirih (berisi sirih dara, gambir, kapur, pinang dan lain-lain lagi), dua pasang pakaian, sepasang kasut, bunga rampai dan perenjis air mawar yang diletakkan di atas dulang perak, buah-

buahan dan kuih-muih yang manis beraneka jenis yang diletakkan di atas dulang perak yang dialaskan dengan kain bersulam benang emas. Barang-barang hantaran yang dibawa oleh mereka adalah dalam angka ganjil. Hal demikian kerana, ia sebagai lambang kepada sifat tuhan yang maha esa dan tuhan juga adalah dalam angka ganjil. Barang-barang hantaran yang dibawa ini, akan dibalas dengan barang-barang hantaran daripada keluarga ponu dalam jumlah yang lebih dan angkanya adalah ganjil seperti jika ibu bapa mapelai membawa 7 dulang barang hantaran, pihak ponu akan balas dengan 9 dulang.

Setelah serah menyerahkan barang hantaran selesai, kedua-dua belah pihak akan membincangkan pula tentang tarikh dan tempat yang sesuai untuk mengadakan majlis bersanding dan akad nikah. Di samping itu, syarat-syarat pertunangan juga akan dijelaskan oleh ibu bapa mapelai kepada ibu bapa ponu, yakni semua barang-barang hadiah yang dibawa oleh ibu bapa mapelai kepada ibu bapa ponu termasuk cincin akan menjadi hak milik ponu. Sebaliknya, jika ibu bapa ponu membatalkan atau memutuskan pertunangan, maka pihak ponu hendaklah membayar ganti rugi dengan jumlah dua kali ganda daripada harga barang-barang hantaran yang dibawa oleh ibu bapa mapelai.

3.7 Akad Nikah

Sebelum diadakan majlis akad nikah, ibu bapa ponu akan mengadakan majlis 'khatam Quran' bagi anak gadis mereka yang akan berkahwin. Selepas tamat majlis 'khatam Quran' barulah majlis akad nikah diadakan dan lazimnya majlis ini diadakan selepas sembahyang Zohor. Dalam majlis akad nikah, Imam yang mewakili wali perempuan menjadi jurunikah. Barang-barang hantaran daripada ponu diletakkan di hadapan mapelai. Semasa upacara akad nikah barang-barang hantaran yang dibawa diserahkan kepada wakil ponu di hadapan tetamu yang menyaksikan upacara itu. Ketika akad nikah mapelai duduk di atas tikar sila bersulam benang emas berhadapan dengan imam yang mengendalikan pernikahan itu. Bagi golongan mereka yang berada, ada di antara mereka yang menempah khas tikar sila mengikut corak yang digemari. Imam membacakan khutbah nikah, meminta mapelai membaca lafaz nikah dan mendaftarkan perkahwinan itu. Setelah itu mapelai dibawa berjumpa ponu bagi menyerahkan wang mas kahwin kepada ponu dan untuk melakukan upacara membatalkan air sembahyang, iaitu dengan cara bersalam atau mencium dahi ponu. Ibu mapelai kemudiannya akan menyuap susu yang dicampur dengan pisang (biasanya pisang ini akan dilenyek sehingga lumat) ke mulut pasangan pengantin. Sebelum mapelai pulang bekas-bekas hantaran dibalas oleh ibu bapa ponu dengan hadiah-hadiah mengikut kemampuan mereka.

3.8 Berinai

Setelah selesai majlis akad nikah, ibu bapa ponu akan mengadakan pula majlis berinai. Majlis ini diadakan selama dua hari, iaitu pada waktu malam. 'Berinai kecil' atau juga disebut sebagai 'masuk pelamin' dilakukan pada hari pertama dan pada keesokan harinya disambut pula dengan majlis 'berinai besar' atau 'berinai di pelamin'. Dalam masyarakat Jawi Peranakan, upacara ini diadakan sebagai tanda bahawa pasangan pengantin adalah masih suci kerana kehormatan mereka sentiasa dipelihara. Di rumah ponu, para tetamu yang diundang pada malam itu adalah terdiri daripada saudara mara mereka yang lebih tua. Untuk melakukan upacara berinai antara barang-barang yang disediakan oleh ibu bapa ponu adalah seperti beras kunyit, bertih, tepung tawar bersama dengan perenjis yang diperbuat daripada daun pandan dan semangkuk inai yang telah digiling lumat. Barang-barang yang diperlukan ini diletakkan satu persatu ke dalam bekas-bekas yang terdapat pada pahar tembaga berkaki dan pahar tembaga ini pula akan diletakkan di atas pelamin disebelah hadapan kerusi ponu.

Pada malam 'berinai kecil' ponu akan dibawa oleh mak andam dengan penuh sopan santun sambil berjalan menuju ke pelamin dan kemudiannya ponu dengan berpakaian baju Kebaya Labuh bersulam benang emas akan diletakkan di atas pelamin. Setelah ponu berada di atas pelamin, maka bermulalah upacara menampal inai di jari ponu. Bagi memulakan upacara ini, ibu atau ibu saudara ponu akan menjemput saudara mara lelaki yang lebih tua dan kemudiannya, diikuti pula dengan saudara mara lelaki yang lain. Mereka yang diminta untuk melakukan upacara ini, akan menjemput sedikit beras dalam bekas yang terdapat pada pahar tembaga berkaki dan beras itu ditabur-taburkan ke kiri dan kanan badan ponu. Kemudian, dicubit pula bertih dan dilakukan dengan cara yang sama. Selepas bertih, diambil pula perenjis dan perenjis itu dicecahkan sedikit ke dalam bekas yang mengandungi tepung tawar dan tepung tawar itu disapukan kepada bahagian belakang tapak tangan ponu. Setelah selesai menepung tawar, barulah diambil sedikit inai untuk ditampalkan ke atas telapak tangan ponu yang telah dialaskan dengan daun sirih oleh mak andam. Setelah selesai, ibu atau ibu saudara ponu akan menjemput pula saudara mara mereka daripada sebelah pihak perempuan yang lebih tua untuk melakukan perkara yang sama. Lazimnya, mereka yang dijemput untuk melakukan upacara ini adalah dalam angka ganjil. Mengikut adat perkahwinan Jawi Peranakan, upacara ini dilakukan dengan tujuan untuk naik seri wajah ponu, agar rupa paras ponu akan kelihatan lebih cantik dan berseri sehinggalah kedua-dua pasangan pengantin ini disatukan.

Selepas selesai upacara 'berinai kecil', ia disambut pula dengan upacara 'berinai besar' pada keesokan malam. Majlis ini disambut lebih meriah kerana ia melibatkan antara kaum keluarga dan sahabat handai mapelai dengan kaum keluarga dan sahabat handai ponu. Ada sesetengah daripada ibu bapa mereka meraikan kedatangan rombongan mapelai dengan pukulan kompang. Apa yang membezakan antara 'berinai kecil' dengan 'berinai besar' adalah dari segi pelaksanaannya. Dalam majlis 'berinai besar' mapelai akan diletakkan di atas pelamin terlebih dahulu dan setelah selesai upacara berinai barulah pula dinaikkan ponu ke atas pelamin. Cara melakukan upacara 'berinai besar' adalah sama seperti 'berinai kecil'.

3.9 Berandam

Upacara berandam akan dilakukan oleh masyarakat Jawi Peranakan ke atas ponu sebelum hari persandingan. Ibu kepada ponu akan menjemput mak andam untuk melakukan upacara naik seri. Sebelum upacara ini dilakukan, keluarga ponu diminta oleh mak andam untuk menyediakan perkakas seperti sepingan beras, sebiji kelapa, minyak wangi, limau purut, beberapa helai daun sirih, kemenyian dan bekas bara. Perkakas-perkakas ini akan digunakan oleh mak andam untuk tujuan naik seri wajah ponu. Untuk memperelokkan wajah ponu, mak andam akan mencukur anak rambut dan bulu kening ponu sambil dijampi serapah. Gigi ponu juga akan diasah agar kelihatan sama dan cantik. Selepas itu, upacara 'mandi limau' akan dilakukan ke atas ponu dengan tujuan untuk mengelak daripada berlakunya apa juga mala petaka yang kemungkinan boleh menimpa ke atas diri ponu ketika hendak bersanding.

3.10 Bersanding

Upacara bersanding disambut oleh masyarakat ini dengan penuh gilang gemilang mengikut kedudukan kewangan sesebuah keluarga. Bagi keluarga yang berada ada yang menyambut majlis itu selama tiga hari, ada yang menyambutnya selama dua minggu dan ada yang menyambutnya selama satu bulan. Majlis bersanding diadakan pada waktu malam, iaitu di antara jam 10:00 malam hingga 12:00 malam, sementara menanti upacara bersanding ada di antara mereka yang menjemput kumpulan-kumpulan kesenian untuk mengadakan persembahan seperti kumpulan pancaragam, kompang, lawak jenaka, boria dan lain-lain bentuk hiburan.

Di rumah ponu, ibu bapa mereka akan menghiaskan pelamin dan bilik pengantin dengan hiasan-hiasan yang sangat menarik. Malah ada di antara mereka yang membina pelamin sehingga tiga tingkat. Manakala di bilik pengantin pula akan dilengkapi dengan 'katil kelamin', iaitu sebuah katil yang mempunyai empat tiang

tinggi diperbuat daripada besi yang dihiasi dengan kain beropol-ropol. Kemeriahan majlis perkahwinan yang disambut oleh sesebuah keluarga melambangkan kedudukan kewangan mereka. Lantaran itu, demi menjaga status sosial sesebuah keluarga ada yang sanggup bergadai golok dan menggadaikan tanah kepada cheti.

Dalam majlis perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan, jamuan makan diadakan pada waktu siang secara besar-besaran dan pada waktu malam diadakan pula majlis bersanding. Mapelai serta ahli rombongannya akan pergi ke rumah ponu untuk bersanding. Mengikut adat resam perkahwinan masyarakat ini, sebelum mapelai serta rombongannya tiba ke rumah ponu, keluarga ponu diwajibkan menghantar 'nasi mapelai' (nasi kenduri) ke rumah tumpangan keluarga mapelai. Mapelai serta rombongannya tidak akan pergi ke rumah ponu selagi 'nasi mapelai' tidak di hantar, walaupun keluarga ponu sudah lama menanti. 'Nasi mapelai' berserta lauk pauk lazimnya dimasukkan ke dalam bekas sia (bekas bertingkat-tingkat yang diperbuat daripada aluminium) dan dihantar ke rumah tumpangan keluarga mapelai. Jika keluarga ponu terlepas pandang mengenai perkara ini, mereka dikatakan tidak tahu adat.

Ketika hendak mengadakan upacara bersanding, apabila mapelai serta ahli rombongannya sampai ke rumah ponu, kedatangan mereka akan disambut dengan paluan kompong/rebana. Kemudian, disambut pula dengan persembahan seni 'silat semerap' atau juga dikenali sebagai upacara menebus pelamin. Mengikut adat mereka, mapelai tidak dibenarkan masuk pelamin selagi kumpulannya tidak berjaya dalam pertandingan silat ini, namun begitu dalam pertandingan ini mapelai akan diberi kemenangan. Selepas mapelai dapat menebus pelamin, barulah mapelai dan ponu disandingkan. Majlis bersanding dimulakan dengan ponu diletakkan terlebih dahulu di atas pelamin. Mak andam sambil menutup muka ponu dengan kipas bersulamkan benang emas akan pimpin ponu untuk dibawa naik ke atas pelamin. Selepas beberapa minit ponu berada di atas pelamin, dibawa pula mapelai dengan diapit oleh pak andam. Pak andam sambil menutup muka mapelai dengan kipas bersulamkan benang emas akan pimpin mapelai untuk dibawa naik ke atas pelamin dan diletakkan disebelah ponu dan kedua-kedua pasangan pengantin ini akan disandingkan selama dua puluh hingga ke tiga puluh minit.

Ketika kedua-dua pengantin disandingkan, ibu atau ibu saudara ponu akan menjemput bapa kepada ponu dan saudara mara lelaki yang lebih tua untuk melakukan upacara merenjis dan menepung tawar. Kemudian diikuti pula dengan saudara mara perempuan yang lebih tua untuk melakukan upacara yang sama. Selepas kaum keluarga kepada ponu selesai melakukan upacara merenjis dan menepung tawar, ibu atau ibu saudara ponu akan menjemput pula kaum

keluarga mapelai untuk melakukan upacara yang sama. Jumlah mereka yang dijemput untuk melakukan upacara ini adalah dalam angka ganjil. Setelah selesai upacara merenjis dan menepung tawar, diikuti pula dengan adat 'bersuap-suapan' antara pasangan pengantin. Ibu kepada ponu, akan menjemput sedikit nasi kunyit dalam bekas yang telah disediakan dan nasi kunyit tadi diberikan kepada ponu untuk disuapkan ke mulut mapelai. Kemudian, diberi pula kepada mapelai untuk disuapkan ke mulut ponu.

Selepas adat bersuap-suapan, ibu mapelai akan mengalungkan 'tali' pada leher ponu. 'Tali' yang dikalungkan biasanya diperbuat daripada manik atau kepingan emas dalam bentuk buah gandum. Kalung ini dianggap sebagai simbolik untuk menyuburkan zuriat pasangan yang baru berkahwin. Selepas 'tali' dikalungkan ke leher ponu, dikalungkan pula 'bunga malei' ke leher pasangan pengantin. Setelah selesai upacara bersanding, mapelai dengan ditemani oleh ponu berserta dengan beberapa orang saudara maranya yang lebih tua dijemput pula ke majlis 'makan beradat.' Setelah selesai 'makan beradat' mapelai serta rombongannya akan pulang ke rumah tumpangan mereka. Bagi sesetengah ibu bapa, selepas bersanding kedua-dua pasangan pengantin akan diberikan beberapa batang lilin dan mereka diminta untuk pergi ke tempat-tempat keramat seperti makam Tok Koyah, makam Nagore, makam Mak Amah dan lain-lain tempat keramat. Lilin yang dibawa oleh mereka akan dinyalakan sambil mengelilingi makam tersebut dan mereka akan memohon restu daripada keramat agar perkahwinan mereka berkekalan hingga ke anak cucu.

4.0 PEMIKIRAN DAN FALSAFAH ADAT RESAM PERKAHWINAN JAWI PERANAKAN PULAU PINANG

Mengikut keterangan responden, pada masa ini ada di antara masyarakat Jawi Peranakan masih lagi mengikut adat dan pantang larang ketika menguruskan hal perkahwinan anak-anak mereka. Walaupun adat dan pantang larang itu dikatakan adanya unsur-unsur kehinduan, tetapi masih ramai daripada mereka mengikutinya. Inilah di antara kelainan masyarakat Jawi Peranakan berbanding orang Melayu lain di Pulau Pinang. Ibu bapa mereka bimbang sekiranya pantang larang dan adat resam itu ditinggalkan, ia akan mendatangkan kesan buruk ke atas anak mereka yang bakal mendirikan rumah tangga. Tentukan hari perkahwinan misalnya, masyarakat ini masih lagi percaya bulan *Safar* adalah bulan yang tidak baik untuk melangsungkan perkahwinan anak-anak mereka. Sekiranya pantang larang ini tidak diikuti, mereka percaya suatu perkara buruk akan berlaku ke atas pasangan pengantin, seperti kemalangan, penceraian dan lain-lain. Begitu juga dengan jodoh anak gadis mereka. Sekiranya anak gadis mereka lewat dipinang orang mereka percaya anak gadis mereka terkena sial

majal. Untuk mengatasi perkara ini, biasanya ibu bapa mereka akan berjumpa dengan bomoh dengan tujuan untuk membuang sial majal yang ada pada diri anak gadis mereka.

Kedua, adat merisik, ibu bapa mereka masih lagi percaya jika berlaku sesuatu penghalang ketika mereka hendak keluar merisik anak gadis yang ingin dipinang mereka, seperti tersepak bendul, sebatang kayu menghalang perjalanan mereka dan lain-lain, ia akan membawa petanda yang tidak baik. Sekiranya, pantang larang ini tidak dipatuhi, ibu bapa mereka percaya pinangan mereka akan ditolak. Sekiranya berlaku perkara seperti ini, ibu bapa mereka akan batalkan hasrat mereka untuk keluar merisik. Biasanya, mereka akan menunda pada masa lain. Begitu juga dengan ‘tilik jodoh’, sebelum ibu bapa mereka pergi merisik anak gadis yang ingin dipinang oleh mereka, ada juga di antara mereka yang berjumpa dengan bomoh untuk menilik kerasian anak lelaki mereka dengan gadis yang ingin dipinang. Sekiranya ada kerasian di antara kedua-dua pasangan, barulah ibu bapa mereka akan pergi merisik anak gadis yang ingin dipinang oleh mereka.

Ketiga, adat menghantar ‘cincin tanya.’ Semasa ibu bapa mereka hendak menyarungkan cincin di jari gadis yang ingin dipinang oleh mereka, lazimnya bekas cincin itu akan dibalut dengan sehelai kain berwarna kuning. Ibu bapa mereka percaya bahawa warna kuning akan membawa tuah kepada anak mereka apabila mereka membina hidup baru.

Keempat, bertunang. Dalam majlis ini, setelah ibu pihak lelaki menyarungkan cincin ke jari manis kanan gadis yang bakal menjadi menantu mereka, lazimnya ibu pihak lelaki akan lakukan upacara suap gula ke mulut gadis tersebut. Upacara ini dilakukan dengan harapan jodoh anak mereka akan berkekalan sehingga ke anak cucu dan perhubungan antara ibu bapa lelaki dengan gadis yang bakal menjadi menantu mereka akan sentiasa baik. Begitu juga dengan angka ganjil kerana angka ini dikatakan akan membawa tuah kepada pasangan pengantin. Angka ganjil adalah melambangkan sifat tuhan yang maha esa dan tuhan juga adalah dalam angka ganjil. Ibu bapa mereka percaya sekiranya syarat ini tidak diikuti, ia akan membawa kesan buruk kepada anak mereka yang akan mulakan kehidupan baru.

Kelima, akad nikah. Setelah upacara membatalkan air sembahyang dilakukan, ibu pihak lelaki akan melakukan upacara suap susu ke mulut kedua-dua bakal pengantin. Susu adalah melambangkan kesuburan dan ia dilakukan dengan harapan agar tuhan akan mengurniakan anak yang ramai kepada pasangan pengantin.

Keenam, bersanding. Bagi masyarakat ini, menghantar 'nasi mapelai' kepada rombongan pihak lelaki yang menumpang di rumah jiran pihak perempuan adalah sebagai tanda menghormati tetamu istimewa yang akan datang ke rumah pengantin perempuan. Sekiranya 'nasi mapelai' tidak dihantar atau lambat dihantar, ibu bapa pihak lelaki akan merasa malu kepada rombongan pihak lelaki kerana ibu bapa pihak perempuan dikatakan tidak beradab. Rombongan pihak lelaki tidak akan pergi ke rumah pengantin perempuan selagi 'nasi mapelai' tidak dihantar kepada mereka. Begitu juga dengan menziarahi di tempat-tempat keramat untuk memohon restu agar jodoh anak-anak mereka berkekalan dan dikurniakan anak yang ramai.

Ditinjau dari segi logikal, walaupun ada di antara pantang larang dan adat resam perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan dianggap tidak bersesuaian dengan zaman sekarang. Tetapi, segala pantang larang dan adat resam tersebut mempunyai maksud yang tersirat. Kepatuhan ibu bapa mereka terhadap pantang larang dan adat resam yang diwarisi sejak turun temurun itu adalah bertujuan untuk menjaga keharmonian rumah tangga anak-anak mereka yang bakal mendirikan rumah tangga. Pepatah Melayu menyatakan 'biar mati anak, jangan mati adat,' itulah falsafah yang dipegang oleh masyarakat ini.

RUMUSAN

Dengan restu dan penerimaan orang Melayu yang menetap di Pulau Pinang terhadap Jawi Peranakan dalam mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu, maka Jawi Peranakan tidak mengalami sebarang masalah untuk diterima sebagai Melayu. Selain itu, dengan adanya perasaan sukarela dalam kalangan Jawi Peranakan untuk menjadi Melayu secara langsung juga telah mempercepat proses mereka untuk menjadi Melayu. Begitu juga dengan adanya dasar kerajaan yang membantu orang Melayu, seperti Dasar Pendidikan, Model Ekonomi Baru dan lain-lain, telah mempercepat usaha golongan ini untuk menjadi Melayu. Pada hari ini, walaupun ramai orang Jawi Peranakan di Pulau Pinang telah dibudayakan sepenuhnya oleh budaya Melayu seperti bahasa, adat resam perkahwinan, makanan dan pemakanan dan sebagainya. Namun demikian, masih terdapat Jawi Peranakan di Pulau Pinang yang mengekalkan budaya lama mereka sehingga hari ini, terutamanya bagi mereka yang tinggal di George Town dan mempunyai hubungan perdagangan dengan India.

RUJUKAN

- Andaya, B. W. & Andaya, L. Y. (1983). *A History of Malaysia*. London: MacMillan.
- Blythe, W. L. (1971). *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya: A Historical Study*. London: Oxford University Press.
- Clodd, H. P. (1948). *Malaya's First British Pioneer: The Life of Francis Light*. London: Luzac & Company LTD.
- Fujimoto, Helen. (1989). *The South Indian Muslim Community and the Evolution of the Jawi Peranakan in Penang Up to 1984*. Tokyo: ILCAA.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Salma, Nasution. (2002). The Rich Legacy of the Jawi Pekan. Di dalam Malini Dias (Ed.), *Glimpses of Old Penang*. Petaling Jaya: Star Publications, 44-45.
- Lee Kam Hing. (1995). *The Sultanate of Aceh, Relations with the British 1760-1824*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- McAlister, N. (1803). *Historical Memoir Relative to Prince of Wales Island in the Straits or Malacca and Its Importance, Political and Commercial*. London: Printed by J. H. Hart for the Author.
- McNair, J. F. A. (1899). *Prisoners Their Own Warders: A Record of Convict Prison at Singapore in the Straits Settlement Established 1825, Discontinued 1873, Together with a Cursory History of the Convict Establishment at Banca, Penang and Malacca from the Year 1879*. London: Archibald Constable.
- Morgan, W. S. (1948). *The Story of Malaya*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 dalam Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. (2008). Bahasa Melayu: Sejarah Awal dan Keragamannya di Pulau Pinang. Di dalam Muhammad Haji Salleh (Ed.), *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 62-95.
- Omar Yusoff. (2005). *Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Isu-isu Budaya dalam Konteks Pembentukan Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Latihan Ilmiah: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Ragayah Eusoff. (1997). *The Merican Clan: A Story of Courage and Destiny*. Kuala Lumpur: Times Books International.

Sandhu, K. S. (1969). *Indians in Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement, 1786-1957*. Cambridge: University Press.

Turnbull, C. M. (1970). Convicts in the Straits Settlements 1826-1867. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(1), 90.

Vaughan, J. D. (1857). Notes on the Malay at Penang and Province Wellesley. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 2(8), 137.

Wilkinson, R. J. (1924). *Paper on Malay Subjects History, Part.1: Events Prior to British Ascendancy, Part II: Notes on Perak History*. Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay State Government Press.

Zaharah Mahmud. (1972). The Population of Kedah in the Nineteenth Century. *Journal of South East Asia Studies*, 3(2), 201.

NOTA

ⁱ India Islam terbahagi kepada beberapa kelompok, iaitu Marakayar, Rawther, Labbai dan Kayalar/Kayadanalur. Semua golongan ini dibezakan menerusi pekerjaan mereka. Marakayar bermaksud 'perahu'. Kebanyakan anggota golongan ini terdiri daripada pedagang atau kelasi kapal. Labbai merupakan satu perkataan yang digunakan oleh orang India Islam sebagai sinonim kepada orang yang mempunyai pengetahuan dalam hal keagamaan. Kebanyakan anggota golongan ini terdiri daripada guru agama. Rawther pula merujuk kepada peniaga kuda ataupun mereka yang terlibat dengan angkatan tentera berkuda yang bekerja dengan pihak kerajaan. Kayalar ialah peniaga kecil. Dari segi kawasan penempatan, golongan Rawther berasal dari kawasan pedalaman di India Selatan, Labbai berasal dari kawasan pedalaman di Utara India manakala Marakayar dan Kayalar tinggal berdekatan pantai (Ahmad Imtiaz, 1973).

ⁱⁱ Keturunan raja itu sendiri dalam ruang lingkup Melayu berakar umbi daripada tradisi Hindu. Bertitik tolak daripada sinilah apabila Islam diperkenalkan kepada kerajaan Melayu tradisional maka agama baru ini juga memperuntukkan monarki tempatan dengan suatu bentuk kuasa yang kuat dalam kalangan raja yang disebut daulat. Untuk keterangan lanjut sila lihat Noriah (1999: 21–35).

ⁱⁱⁱ Perbezaan antara masyarakat India Islam dengan Jawi Peranakan adalah dari segi bahasa pertuturan seharian di antara kedua-dua kaum ini. Bahasa pertuturan seharian masyarakat India Islam adalah bahasa Tamil. Bahasa ini bukan sahaja digunakan didepan khalayak ramai, tetapi ia juga digunakan dalam institusi kekeluargaan mereka. Manakala bagi masyarakat Jawi Peranakan, bahasa pertuturan seharian mereka adalah bahasa Melayu. Namun begitu, bagi mereka yang tinggal di George Town dan yang mempunyai hubungan dagangan dengan Negara India, penggunaan bahasa Tamil masih dikekalkan dalam kelompok mereka.

^{iv} Dalam masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang, pengantin perempuan disebut sebagai ponu, manakala pengantin lelaki disebut sebagai mapelai.